

**Bukit Mertajam:** Polis membuka kertas siasatan bagi menyiasat satu kes yang tular di media sosial membabitkan dakwaan seorang murid perempuan yang menghadapi masalah autisme didera gurunya di sebuah sekolah pendidikan khas di Seberang Jaya, dekat sini, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah Asisten Komisioner Tan Cheng San berkata, pihaknya mengambil maklum berhubung perkara yang ditularkan di laman sosial berkenaan.

Menurutnya, satu laporan polis dibuat ibu kepada mu-

rid perempuan terbabit se-jurus kejadian itu yang ber-laku kira-kira jam 9.30 pagi, 19 Julai lalu.

“Hasil siasatan polis men-dapati mangsa adalah ka-nak-kanak yang menghadapi masalah autisme dan mengi-kuti kelas pendidikan khas di sebuah sekolah pendidikan khas di Seberang Jaya.

“Semasa kejadian mangsa dikatakan bertindak agresif di dalam kelas hingga me-nyebabkan pelajar lain takut dan menangis.

“Akibat tindakan ka-

# Kes murid autisme didera cikgu disiasat



*Suspek juga guru wanita berusia lingkungan 30-an telah datang dan memegang kedua-dua belah telinga mangsa untuk menenangkan mangsa, namun tindakan suspek menyebabkan telinga mangsa lebam”*

**Cheng San**

nak-kanak itu, suspek yang juga guru wanita berusia lingkungan 30-an telah datang dan memegang kedua-dua belah telinga mangsa untuk menenangkan mangsa, namun tindakan suspek menyebabkan kedua-dua telinga mangsa mendapat kesan lebam,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, mangsa kemudian dibawa ke Hospital Bukit Mertajam (HBM) untuk rawatan.

“Polis kini sedang men-

jalankan siasatan lanjut ber-hubung kes berkenaan di-bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

“Orang ramai dinasihat-kan supaya tidak terus me-nularkan kejadian itu kerana ia boleh menyebabkan ke-keliruan dan kegelisahan masyarakat,” katanya.

Terdahulu, seorang peng-guna Facebook (FB) dikenali Mona Din memuat naik maklumat berkenaan kes seorang kanak-kanak pe-rempuan berusia tujuh ta-hun yang juga autisme me-

ngalami kecederaan di te-linga didakwa didera oleh gurunya di sebuah sekolah di Pulau Pinang.

Hantaran wanita itu turut dikongsikan oleh Ahli Par-limen Simpang Renggam Dr Maszlee Malik.

Berdasarkan hantaran yang dikongsi, Mona mem-beritahu, seorang rakan FB menghantar mesej meneru-si aplikasi WhatsApp ber-hubung kejadian membabit-kan cucunya.

Katanya, murid itu me-ngikuti kelas pendidikan khas dipulas telinga oleh seorang guru yang bukan guru kelas kanak-kanak itu.